



JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA

ARAHAN KETUA PENGARAH INSOLVENSİ

BIL. 13/2025

**GARIS PANDUAN PEMILIHAN, PELANTIKAN DAN PERANAN
PEGAWAI PENYIASAT**

Diedarkan kepada:

Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi
Pengarah Insolvensi Bahagian
Pengarah Insolvensi Negeri
Timbalan Pengarah Insolvensi
Penolong Kanan Pengarah Insolvensi
Penolong Pengarah Insolvensi
Pegawai Insolvensi Utama
Ketua Cawangan
Pegawai Insolvensi

AKPI 13/2025: GARIS PANDUAN PEMILIHAN, PELANTIKAN DAN PERANAN PEGAWAI PENYIASAT

TUJUAN

1. Garis panduan ini bertujuan untuk memberikan panduan dan penjelasan berhubung pemilihan, pelantikan dan peranan Pegawai Penyiasat di Bahagian/Unit Penyiasatan dan Penguatkuasaan, Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl). Pengarah Insolvency Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan (PIBPP), Pengarah Insolvency Negeri (PIN) dan Ketua Cawangan (KC) diberi tanggungjawab dan peranan dalam pemilihan Pegawai Penyiasat sebelum pelantikan dibuat.

DEFINISI DAN TAFSIRAN

2. “Pegawai Penyiasat” ertinya Pegawai Insolvency dari Unit Penyiasatan Dan Penguatkuasaan (PI UPP) yang menjalankan tugas menyiasat atau menyelidik suatu kes kebangkrapan.

LATAR BELAKANG

3. Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan berpandangan bahawa adalah menjadi satu keperluan untuk menambah baik dan memperincikan proses kerja Pegawai Penyiasat selain merujuk kepada Manual Prosedur Kerja (MPK) atau MyPortfolio yang sedia ada. Perincian dan penambahbaikan ini bertujuan seperti berikut:

- i. menjamin hasil kerja Pegawai Penyiasat yang lebih berkualiti serta menepati garis panduan; dan
- ii. pelantikan yang akan dibuat adalah menepati garis panduan yang telah ditetapkan.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG YANG BERKAITAN

4. Seksyen 84A (3) Akta Insolvensi 1967 [Akta 360] memperuntukkan seperti berikut:

84A. Additional Powers of Director General Of Insolvency

(3) The Director General of Insolvency may appoint fit and proper persons to be investigation officers who shall, for the purposes of this Act and sections 421, 422, 423 and 424 of the Penal Code, have all the powers of a police officer under the Police Act 1967 and the Criminal Procedure Code.

5. Berdasarkan kepada seksyen di atas, Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) telah diberi kuasa untuk melantik Pegawai Penyiasat di bawah seksyen 84A (3) Akta 360. Setiap Pegawai Penyiasat yang dilantik telah diperuntukkan dengan kuasa-kuasa sepertimana seorang Pegawai Polis dalam Akta Polis 1967 [Akta 344] dan Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] bagi menyiasat kesalahan-kesalahan di bawah Akta 360 dan seksyen 421, 422, 423 dan 424 Kanun Keseksaan.

PELAKSANAAN

(A) TATACARA PEMILIHAN/ PENCALONAN DAN PELANTIKAN PEGAWAI PENYIASAT

6. Sebelum pelantikan Pegawai Penyiasat dibuat, kriteria-kriteria yang perlu diutamakan dalam pemilihan/bagi memilih calon yang hendak dilantik adalah seperti berikut:

- (a) Bebas daripada tindakan tatatertib;
- (b) Sihat tubuh badan;
- (c) Tidak mempunyai sejarah penyakit yang kritikal atau sedang mengalami masalah penyakit yang serius; dan
- (d) Bukan kategori Orang Kelainan Upaya (OKU).

7. Pegawai yang terpilih untuk dilantik hendaklah mengemukakan borang permohonan pelantikan Pegawai Penyiasat di bawah seksyen 84A (3) Akta 360 sepertimana di **Lampiran A**. Borang tersebut hendaklah dilengkapkan oleh Pegawai Penyiasat berkenaan dan disertakan dengan pandangan/ulasan PIN/KC serta dikemukakan terus kepada BPP Ibu Pejabat untuk tindakan selanjutnya. Permohonan yang diterima oleh BPP Ibu Pejabat akan diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan

KPI. Surat pelantikan dan pengeluaran kad kuasa akan diproses setelah permohonan pelantikan diluluskan dan selanjutnya akan diedarkan kepada cawangan.

(B) PERANAN / SKOP TUGAS PEGAWAI PENYIASAT

8. Setiap Pegawai Penyiasat yang dilantik hendaklah menjalankan tugas-tugas penyiasatan dan penguatkuasaan seperti berikut:

- (a) Melakukan penyiasatan bagi tujuan pendakwaan di mahkamah di bawah Akta 360 dan seksyen 421, 422, 423 dan 424 Kanun Keseksaan;
- (b) Membuka, menyiasat dan melengkapkan Kertas Siasatan (KS);
- (c) Membuka, menyiasat dan melengkapkan *Insolvency Loose Minute Action File (ILMAF)*;
- (d) Mengumpul dan mendapatkan keterangan relevan, mengenalpasti saksi-saksi dalam suatu kes, mendapatkan keterangan dokumentar;
- (e) Menyediakan draf pertuduhan dan syor pertuduhan kepada Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi (TKPI)/ Ketua Pengarah Insolvensi (KPI);
- (f) Menyediakan laporan penyiasatan bagi mendapatkan arahan TKPI/ KPI;
- (g) Menyiasat maklumat dan aduan yang diterima sama ada secara lisan atau bertulis daripada Bahagian/Unit dalam Mdl dan orang awam;
- (h) Mengesan dan mengambil tindakan lanjut ke atas bankrap yang gagal menjelaskan tunggakan bayaran ansuran bulanan kepada Mdl (kes yang dikenalpasti dirujuk oleh Unit Kebankrapan kepada UPP);
- (i) Menjalankan risikan bagi mengenalpasti harta-harta milik bankrap serta menyediakan laporan risikan;
- (j) Mengendalikan penggeledahan dan penyitaan harta-harta milik bankrap serta menyediakan laporan geledah dan sitaan;
- (k) Mengesan bankrap dan memastikan kehadiran bankrap untuk pentadbiran kes kebangkrutan;
- (l) Membuat pengesanan harta-harta milik bankrap di agensi-agensi yang berkaitan;
- (m) Membuat penjejakan harta-harta milik bankrap setelah menerima maklumat berkaitan;

- (n) Melakukan lawat periksa terhadap kediaman/premis perniagaan/bangunan bagi menjejaki harta bankrap;
- (o) Menyediakan maklum balas bertulis kepada pengadu terhadap aduan-aduan yang diterima;
- (p) Menyediakan satu buku rekod aduan bagi merekodkan setiap aduan yang diterima dan aduan tersebut dirujuk kepada Pengarah Insolvensi Negeri/Ketua Cawangan untuk arahan lanjut;
- (q) Menyediakan dan mengemaskini rekod Fail Siasatan Pentadbiran, ILMAF dan Kertas Siasatan yang dibuka; dan
- (r) Melaksanakan lain-lain tugas yang dinyatakan dalam Manual Prosedur Kerja Bahagian/Unit Penyiasatan Dan Penguatkuasaan.

(C) PERTUKARAN PEGAWAI PENYIASAT

9. Sekiranya berlaku pertukaran Pegawai Penyiasat, pelantikan sedia ada akan dibatalkan dan kad kuasa yang berada dalam pegangan Pegawai Penyiasat hendaklah dipulangkan kepada BPP. Pertukaran pegawai adalah termasuk pegawai yang bersara, meletak jawatan, bertukar ke agensi/jabatan lain atau bertukar cawangan Bahagian/Unit.
10. Bahagian Khidmat Pengurusan, Ibu Pejabat dan Pengurusan Negeri (PIN/KC) adalah dipertanggungjawabkan untuk memaklumkan pertukaran Pegawai Penyiasat kepada BPP Ibu Pejabat terlebih dahulu sebelum sebarang pertukaran dibuat.

(D) KAD KUASA

11. Pegawai Penyiasat yang dilantik akan dibekalkan dengan Kad Kuasa yang mempunyai nombor siri. Kad Kuasa ini hendaklah dijaga dalam keadaan baik dan dibawa bersama setiap kali menjalankan tugas penyiasatan dan penguatkuasaan.
12. Pegawai Penyiasat yang kehilangan kad kuasa dikehendaki membuat laporan polis dengan kadar segera dan laporan tersebut hendaklah dikemukakan ke BPP untuk direkodkan. Kegagalan Pegawai Penyiasat untuk berbuat demikian boleh dikenakan tindakan tatatertib.
13. Pegawai Penyiasat yang dibatalkan pelantikan hendaklah memulangkan semula Kad Kuasa yang dimiliki kepada BPP Ibu Pejabat dengan kadar segera bagi tujuan pelupusan.

14. Pegawai Penyiasat yang didapati telah menyalahgunakan kad kuasa boleh dikenakan tindakan tatatertib.

(E) LARANGAN PENUGASAN SELAIN TUGAS PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN KEPADA PEGAWAI PENYIASAT

15. Bagi memastikan bahawa segala tugas-tugas penyiasatan dan penguatkuasaan dilaksanakan dengan lebih efisien, semua PIN/KC adalah **dilarang untuk memberi tugas-tugas lain** kepada Pegawai Penyiasat selain daripada tugas-tugas penyiasatan dan penguatkuasaan yang dinyatakan di perenggan 8 arahan ini.

KEGAGALAN MEMATUHI ARAHAN

16. Kegagalan mematuhi Arahan Ketua Pengarah Insolvensi ini adalah menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993].

PEMBATALAN

17. Dengan berkuat kuasanya arahan ini maka Arahan-Arahan Jabatan terdahulu seperti berikut adalah **DIBATALKAN**.

- (a) *Arahan Jabatan (Penyiasatan Dan Penguatkuasaan) Bilangan 1 Tahun 2008 bertarikh 29 Mei 2008 (Tugas Dan Perlaksanaan Proses Kerja Pegawai Penyiasat Di Cawangan);*
- (b) *Arahan Jabatan (Bahagian Penyiasatan Dan Penguatkuasaan) Bilangan 3/2011 bertarikh 4 Ogos 2011 (Tugas-Tugas Hakiki Pegawai Penyiasat Dan Pegawai Penguatkuasaan);*
- (c) *Arahan Jabatan (Bahagian Penyiasatan Dan Penguatkuasaan) Bilangan 4/2011 bertarikh 4 Ogos 2011 (Pelantikan Pegawai Penyiasat Dan Pemulangan Kad Kuasa); dan*
- (d) *Arahan Ketua Pengarah Insolvensi Bilangan 2/2020 bertarikh 11 Mac 2020 (Skop Tugas Dalam Pelaksanaan Proses Kerja Pegawai Penyiasat, Penggunaan Insolvency Loose Minute Action File (ILMAF) Dan Kertas Siasatan Di Bawah Akta Insolvensi 1967 [Akta 360].*

TARIKH KUAT KUASA

18. Arahan ini berkuat kuasa serta-merta pada tarikh ia dikeluarkan.



(DATO' ISHAK BIN BAKRI)

KETUA PENGARAH INSOLVENSI

Tarikh:

15 DEC 2025

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN

TAJUK

- | | |
|---|--|
| A | Borang Permohonan Pelantikan Pegawai Penyiasat
Di Bawah Seksyen 84A(3) Akta Insolvensi 1967 |
|---|--|

[LAMPIRAN A]



**PERMOHONAN PELANTIKAN PEGAWAI PENYIASAT
DI BAWAH SEKSYEN 84A(3) AKTA INSOLVENSII 1967**

MDI CAWANGAN

Sila Lekatkan
Gambar
Berukuran Paspot
(Pegawai
Penyiasat Yang
Baru Dilantik)

A. MAKLUMAT PERIBADI

Nama Penuh	
Nama Untuk Dicitak Di Kad Kuasa (*TIDAK MELEBIHI 10 AKSARA)	
No. Kad Pengenalan Lama/Baharu (Sila Sertakan Sesalinan Kad Pengenalan)	
Umur	
Alamat Tempat Tinggal	

Alamat Tempat Bertugas Mdl	
No Telefon Pejabat Mdl	
Emel Rasmi Jabatan Mdl	
No Telefon Bimbit	
Status Perkahwinan	
Tahap Pendidikan (Diploma/Ijazah Sarjana Muda/Ijazah Sarjana /PHD)	
Bidang Pengajian (Diploma/Ijazah Sarjana Muda/ Ijazah Sarjana/ PHD)	

B. MAKLUMAT PEKERJAAN

Jawatan Sekarang	
Bahagian/Unit Pegawai Ditempatkan Sekarang	
Tarikh Mula Berkhidmat di Mdl	
Tarikh Kenaikan Pangkat (Sekiranya Berkaitan)	
Jawatan Terdahulu (Sekiranya Berkaitan)	
Pengalaman Bertugas di Mdl Sebelum Ditempatkan Di Bahagian/Unit Penyiasatan dan Penguatkuasaan	
Pengalaman Bekerja Sebelum Memasuki Mdl	

C. SEBAB PELANTIKAN

Sebab-Sebab Pegawai Dicapangkan Untuk Dilantik Sebagai Pegawai Penyiasat ke Bahagian/Unit Penyiasatan dan Penguatkuasaan	
Tarikh Ditempatkan Di Bahagian/Unit Penyiasatan dan Penguatkuasaan	
Nyatakan Kelebihan/Bakat/Pengalaman Yang Ada Pada Diri Pegawai Untuk Menjadi Pegawai Penyiasat Mdl	
Pengalaman Bertugas di Mdl Sebelum Ditempatkan Di Bahagian/Unit Penyiasatan dan Penguatkuasaan	
Pengalaman Bekerja Sebelum Memasuki Mdl	

D. PANDANGAN DAN ASAS PERTIMBANGAN PENGARAH INSOLVENSİ NEGERI / KETUA CAWANGAN

--

Dikemukakan permohonan ini untuk pertimbangan dan kelulusan oleh Ketua Pengarah Insolvensi.

.....

()

Pengarah Insolvensi Negeri / Ketua Cawangan

Jabatan Insolvensi Negeri _____

Tarikh :

E. SYOR DAN ULASAN PENGARAH INSOLVENSİ BAHAGIAN PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN

Permohonan ini:

Disokong

Tidak Disokong

.....
()

Pengarah Insolvensi

Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan

Tarikh:

F. ULASAN DAN KEPUTUSAN KETUA PENGARAH INSOLVENSİ

Permohonan ini:

Diluluskan

Tidak Diluluskan

.....
()

Ketua Pengarah Insolvensi

Jabatan Insolvensi Malaysia

Tarikh: